

"Saya Sedia Dihakimi Jika Pentadbiran Tidak Betul Dan Tidak Beramanah," Kata MB Selangor Bernama August 5, 2014

SHAH ALAM, 5 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim Selasa menyatakan kesediaannya untuk dihakimi atau disemak pihak tertentu sekiranya terdapat beberapa perkara dalam pentadbirannya dilaksanakan secara tidak betul atau tidak beramanah.

Namun demikian, Abdul Khalid berkata kesemua perkara seumpama itu sepatutnya dibincangkan dengan penuh adab dan tertib kerana beliau sentiasa berpegang kepada prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

"Saya bersedia untuk dihakimi atau disemak...jadi pada saya itu adalah reformasi yang saya lalui, maknanya kita percaya pada ketelusan dan kebertanggungjawaban," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan Setiausaha PKR Datuk Saifuddin Nasution baru-baru ini bahawa wakil rakyat Pelabuhan Klang itu terlibat dengan aktiviti meragukan membabitkan urusan niaga jualan tanah di negeri itu.

Dalam pada itu, ketika menjawab dakwaan yang tersebar bahawa beliau telah dipecat daripada PKR semalam, Abdul Khalid tegas menafikannya malah menyatakan beliau masih anggota parti berkenaan dan tidak pernah menerima sebarang surat mengenai perkara tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057960>